

menjadi hak-hak manusia dan bukan hanya hak-hak kewarganegaraan semata-mata. Dalam hal ini, hak-hak manusia dianggap sebagai hak-hak yang penting dan berharga untuk dilindungi dan dihormati. Dengan demikian, hak-hak manusia dianggap sebagai hak-hak yang penting dan berharga untuk dilindungi dan dihormati.

Gantirugi dalam Perceraian Ta‘assuf

Raihanah Hj. Azahari

Islam has given the right of divorce to husband but divorce itself is God's most despised act. The right is sometimes unjustly used by the husband where the wife is divorced without any concrete reason. Ta'assuf is a type of divorce which gives right for a woman to demand compensation from her former husband for the unjust divorce is an ill treatment contrary to the concept of divorce allowed in Islam.

Abstract

Islam has given the right of divorce to husband but divorce itself is God's most despised act. The right is sometimes unjustly used by the husband where the wife is divorced without any concrete reason. Ta'assuf is a type of divorce which gives right for a woman to demand compensation from her former husband for the unjust divorce is an ill treatment contrary to the concept of divorce allowed in Islam.

Pendahuluan

Meskipun kuasa untuk menjatuhkan talak itu diberikan secara mutlak kepada kaum lelaki, namun begitu ia terikat dengan syarat-syarat bahawa perceraian hendaklah dilakukan atas objektif yang tertentu. Dengan erti kata lain, perceraian bukanlah sekadar untuk merombak ikatan perkahwinan, tetapi dilakukan selaras dengan objektif pensyariatannya, umpamanya kedua-dua pasangan suami isteri tidak mampu lagi hidup secara makruf. Sesiapa yang menceraikan isterinya tanpa sebab yang munasabah sesungguhnya dia telah berlaku ta‘assuf dalam menggunakan haknya.

Talak Ta‘assuf

Fathi al-Durayni dalam bukunya *Nazariah al-Ta‘assuf fi al-Fiqh al-Islami* menyatakan *ta‘assuf* ialah istilah baru yang tidak pernah disebut oleh fuqaha’ yang terdahulu dalam kitab-kitab mereka. Ia merupakan satu istilah yang dipinjam dari barat, dan kemudian pemakaianya semakin popular dan meluas apabila berkembangnya teori *ta‘assuf* dalam penggunaan hak.¹ Beliau mentakrifkan *ta‘assuf*

sebagai menyanggahi objektif syarak dalam melaksanakan hak-hak yang disyariatkan. Dengan ertikata lain, melakukan sesuatu perbuatan yang pada asalnya diharuskan oleh syarak tetapi telah menyebabkan kemudharatan atau kesusahan ke atas orang lain atau menyalahi objektif pensyariatan perbuatan tersebut.² Dalam persoalan talak *ta'assuf*, pada asalnya talak disyariatkan oleh Allah, tetapi apabila ia dijatuhkan tanpa apa-apa sebab yang munasabah, maka ia dianggap penganiayaan dalam menggunakan hak.³

Kerana itu talak *ta'assuf* diertikan sebagai talak tanpa sebab-sebab yang tertentu. Talak ini diklasifikasikan sebagai:

- i. Talak tanpa sebab-sebab yang munasabah atau tidak bersebab.
- ii. Talak pada ketika sakit yang berkesudahan dengan maut (marad al-mawt)⁴.

Perlu disebutkan bahawa pentakrifan dan pengkelasan ini adalah pentakrifan dan pengkelasan yang dibuat oleh kebanyakan peruntukan undang-undang keluarga Islam di kebanyakan negara-negara Islam.⁵

Takrif dan pengkelasan ini dibuat berdasarkan anggapan bahawa para fuqaha terdahulu tidak pernah menyebut persoalan ini di dalam penulisan-penulisan mereka, samada dari sudut teori atau hukuman ke atas orang-orang yang melakukan talak *ta'assuf*.

Namun ini bukan bererti bahawa persoalan ini tidak pernah timbul dalam perbincangan fuqaha' terdahulu. Kenyataan ini dapat dilihat dalam beberapa firman Allah, antaranya ayat 229 surah *al-Baqarah* yang bermaksud:

“Talaq (perceraian) itu hanya dua kali; memeliharanya kembali secara baik (patut) atau menceraikan terus dengan baik (ihsan)”

Mengikut al-Tabari, ayat di atas diturunkan apabila seorang lelaki menceraikan isterinya kemudian merujuknya kembali pada akhir iddahnya dan kemudian menceraikannya semula. Dengan perbuatannya itu, dia bertujuan untuk mendatangkan kesusahan kepada isterinya dengan membiarkan isteri berada dalam jangka iddah yang panjang.⁶ Apa yang jelas dari ayat ini, Allah melarang perbuatan tersebut apatah lagi jika ia mendatangkan kesusahan pada isteri.

Imam Muhammad Rasyid Ridha dalam tafsirnya *al-Mannar* menyatakan firman Allah ayat 229 surah *al-Baqarah* di atas bermaksud bahawa talak yang dapat dirujuk 2 kali, setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang makruf, atau menceraikannya dengan cara yang makruf, atau dengan cara yang baik iaitu baik dalam muamalah dengannya, dan memberikannya hak-hak selepas perceraian seperti mut'ah yang sepatutnya.⁷

Ibn 'Abbas (r.'a) dalam mentakrifkan akhir ayat di atas iaitu “*tasrih bi ihsan*” ini menyatakan: ceraikanlah dia dengan baik dan jangan menzaliminya dengan menunaikan segala hak-haknya.⁸

Al-Suda pula berkata, al-Insan ialah menunaikan segala hak selepas perceraian, jangan menyakitinya samada dengan perbuatan atau perkataan dan jangan mengeji atau mengumpatnya.⁹

Al-Dahak pula menyatakan bahawa “*tasrih bi ihsan*” ialah meninggalkannya

sehingga habis iddahnya, memberikannya mahar yang masih tertangguh, dan *mut'ah* sekadar yang termampu.¹⁰

Imam Fakh al-Razi¹¹ pula dalam mentafsirkan akhir ayat 49 surah *al-Ahzab* yang bermaksud: “ceraikan mereka dengan cara yang baik” berkata bahawa al-Jamal dalam perceraian atau tindakan yang baik semasa bercerai ialah jangan kamu meminta minta kembali apa yang telah kamu berikan kepada isteri-isteri kamu samada dalam bentuk nilai atau benda.

Dalam ayat 229 surah *al-Baqarah* pula, beliau menyatakan “yang dimaksudkan dengan ihsan dalam perceraian ialah apabila kamu meninggalkannya/menceraikannya hendaklah kamu memberikan kepadanya semua hak kewangan yang wajib diberikan dan janganlah kamu menyebut-nyebut atau melemparkan tuduhan-tuduhan kepadanya, dan memburuk-burukkan dihadapan orang supaya orang membencinya, seandainya apa yang lebih baik di antara kedua-dua perkara tersebut (rujuk/cerai) ialah merujuknya, maka hendaklah kamu merujuknya dengan cara yang makruf, dan jika yang lebih di antara keduanya ialah cerai maka ceraikanlah dia dengan sebaik-baik cara iaitu dengan makruf.¹² Firman Allah ayat 2 surah *al-Talaq*, “telah sampai kepada waktu yang ditentukan, ambillah mereka kembali dengan cara yang baik atau ceraikan mereka dengan cara baik”. Apa yang jelas dari ayat-ayat di atas kesemuanya menganjurkan supaya perceraian berlaku dengan cara yang makruf atau ihsan. Meskipun berbagai-bagai tafsiran diberikan kepada konsep makruf atau ihsan, namun apa yang penting ialah adanya larangan Allah daripada melakukan sesuatu yang memudaratkan, menyusahkan dan penganiayaan dalam perceraian tidak kira kesusahan atau kemudaratannya itu dari sudut maknawi atau fizikal. Bukanlah suatu yang makruf dan ihsan jika perceraian itu berlaku tanpa apa-apa sebab yang munasabah dan isteri menanggung beban kesusahan hasil daripada perceraian tersebut.

Suatu perkara yang tidak dapat disangkal dari perbincangan di atas bahawa konsep *ta'assuf* sebenarnya telah dibicarakan oleh al-Quran meskipun secara tidak langsung. Cuma fuqaha tidak mengambil intisari daripada al-Quran ini dan meletakkan ia sebagai satu konsep dan menentukan bentuk hukuman terhadap orang-orang yang melakukan talak *ta'assuf*.

Ini mungkin kerana mereka beranggapan bahawa Allah telah menetapkan pemberian *mut'ah* kepada wanita-wanita yang diceraikan samada hasil daripada perceraian ini berlaku *ta'assuf* atau tidak.

Gantirugi dalam Perceraian *Ta'assuf*

Sesetengah Undang-Undang keluarga Islam¹³ tidak memperuntukkan gantirugi untuk wanita yang diceraikan secara *ta'assuf* meskipun perceraian ini mendatangkan kemudaratannya kepadanya. Apa yang diperuntukkan hanyalah *mut'ah* yang diberikan selepas perceraian. Sikap ini berdasarkan kepada pegangan talak adalah hak mutlak kaum lelaki. Mereka tidak terikat dengan apa-apa syarat untuk menjatuhkannya. Selama mana mereka menggunakan hak yang diperuntukkan oleh

syarak, maka mereka tidak boleh dikenakan sebarang denda atau hukuman atau gantirugi.

Bagaimanapun ada undang-undang keluarga Islam mewajibkan suami membayar gantirugi berasaskan kenyataan bahawa perceraian pada asalnya adalah dilarang atau ditegah “*al-Asl fi al-Talaq al-Hazr*”. Oleh kerana suami telah menceraikan isterinya secara *ta’assuf* dia dianggap melakukan penganiayaan kepada isterinya dan sebagai imbangan kepada perbuatan jahatnya dia dikehendaki membayar gantirugi.¹⁴

Bagi mereka, penganiayaan apabila berlaku mestilah dipertanggungjawabkan apakah lagi jika ia mendatangkan “kemudharatan kepada orang yang dianiayai. Sebagai salah satu jalan untuk menghalang penganiayaan ialah dengan memperuntukkan hukuman atau mengenakan jaminan kepada sipelaku.¹⁵

Kaedah fiqhiyah juga memperuntukkan bahawa kemudaratan itu ditolak sekadar yang mungkin” (*al-Darar Yudfa’ bi Qadr al-Imkan*). Apabila berlaku kemudaratan dari segi material, si pelaku mestilah dipertanggungjawabkan. Kemudharatan mestilah diminimumkan sedaya yang mungkin. Apabila ia tidak dapat dilupuskan, kemungkinan disebabkan oleh realiti yang tidak dapat dibendung, maka ia boleh dihalang dengan satu bentuk hukuman gantirugi kewangan sebagai langkah pencegahan daripada berterusannya amalan atau proses ini.¹⁶

Meskipun talak merupakan hak mutlak kaum lelaki, namun syarat Islam melarang ianya dilakukan tanpa pertimbangan. Bagi Islam perkahwinan bukan semata-mata bertujuan untuk pemuasan nafsu syahwat tetapi mempunyai tujuan yang lebih suci dan unggul. Sebaliknya perceraian tidak boleh berlaku melainkan kerana sesuatu yang mendesak. Sesungguhnya seseorang itu dianggap tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan jika dia mengahwini seseorang wanita, kemudian menceraikannya tanpa apa-apa sebab yang tertentu. Sekiranya perceraian itu menyebabkan kesusahan samasa dari segi material atau fizikal kepada pihak wanita, maka tidak salah jika dia menuntut pembayaran gantirugi sebagai imbangan kepada kesusahan yang dialaminya.¹⁷

Masyarakat sentiasa berubah begitu juga zaman-zaman yang dilalui sentiasa berubah dan bertukar dengan berbagai-bagai persoalan dan permasalahan. Penggubal undang-undang juga harus peka kepada perubahan-perubahan ini. Mereka tidak harus terikat dengan hukum yang dibuat oleh fuqaha terdahulu. Hukuman berubah dengan sebab berubahnya suasana masa dan tempat. (*al-Hukm Tataghayyar bi Taghayyur al-Amkinah wa al-Adhminah*.) Di dalam Undang-undang Keluarga Islam seharusnya digubal satu peruntukan yang munasabah untuk menghalang daripada berterusannya amal buruk ini.¹⁸

Meskipun penetapan gantirugi kepada wanita yang diceraikan secara *ta’assuf* tidak berasaskan al-Quran dan al-Sunnah secara langsung tetapi sebagai langkah pencegahan (*sadd al-dhari’i*) dan untuk menjamin kestabilan keluarga dan menjaga keharmoniannya, siasah syari’yyah membenarkan pemimpin atau pihak yang berkenaan menentukan satu bentuk hukuman terhadap mereka yang menyalahgunakan haknya, meskipun hak itu pada asalnya diharuskan atau diberikan oleh syarak.¹⁹

Meskipun syariat telah memperuntukkan *mut'ah* untuk wanita-wanita yang diceraikan, samada secara *ta'assuf* atau tidak nafkah iddah untuk mereka yang berhak menerimanya, satu perkara yang perlu diingat ialah pembayaran gantirugi untuk wanita-wanita yang diceraikan secara *ta'assuf* adalah suatu persoalan yang berasingan daripada kedua-dua pembayaran di atas. Nafkah iddah dan *mut'ah* ialah pembayaran yang mesti ditunaikan apabila berlakunya akad yang sah, manakala gantirugi dalam talak *ta'assuf* ialah bayaran yang diberikan sebagai imbalan kepada niat buruk suami sebagai imbalan kepada kesusahan yang ditanggung oleh isteri, akibat daripada perceraian ini. Apa yang lebih penting ialah konsep ini tidak bertentangan dengan firman Allah²⁰ yang bermaksud:

“Perempuan-perempuan yang diceraikan itu berhak mendapat pemberian menurut patutnya.”²¹

Kadar Bayaran Gantirugi dalam Perceraian *Ta'assuf*

Oleh kerana persoalan gantirugi ini merupakan persoalan ijtihami tidak ada nas al-Quran atau al-Hadith yang menentukan bentuk hukumannya dan begitu juga kadar pembayaran tersebut. Terpulanglah kepada budibicara Kadi atau pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan kadar yang perlu dibayar oleh suami dengan merujuk kepada kedudukan dan latar belakang suami, iaitu mengambil kira kedudukan suami dari sudut kewangan.

NOTA HUJUNG

1. Secara dasarnya teori ini pernah ujud dalam perbincangan para fuqaha terdahulu, cuma mereka menggunakan istilah-istilah yang lain yang menggambarkan maksud yang serupa seperti *al-Isa'ah wa al-Mudarrah fi al-Huqq wa al-Isti'mal al-Mazmum*. Lihat Fathi al-Durayni, *Nazariah al-Ta'assuf fi Isti'mal al-Haq fi al-Fiqh Islam*, cetakan 4, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1408 - 1988 h. 45.
2. *Ibid*, h. 46 & 87.
3. Sesetengah fuqaha berpendapat bahawa talak adalah hak mutlak kaum lelaki dan tidak terikat dengan syarat-syarat yang tertentu, mereka berhak menjatuhkan talak hanya semata-mata untuk menamatkan ikatan perkahwinan.
4. Abdul Rahman al-Sabuni, *Mada Hurriyah al-Zawjayni fi al-Talaq fi al-Fiqh al-Islam*, cet. 2, Dar al-Qalam, al-Kuwait, 1410 - 1990, h. 142; Undang-undang Keluarga Islam Jordan, sek. 134. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fikh al-Islami wa Adilatuhu*, cet. 3, Dar al-Fikr, Damsyik, Syria, 1409 (1989) Jld. 7., h. 530.
5. Lihat Undang-undang Keluarga Islam Jordan, s. 134; Undang-undang Keluarga Islam Syria, s. 116; lihat juga kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, cet. 3, Dar al-Fikr, Damsyik, (1409/1089), Jld. 1, h. 530.
6. Tabari, Ibn Jarir, *Jami' al-Quran fi Ta'wil Ayyi al-Quran al-Hakim*, Jld. 2, h. 456.
7. Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Mannar*, Jld 2, h. 387.
8. Al-Tabari, *op.cit*, h. 460 Jld. 2, Ada juga ahli-ahli Tafsir yang mentafsirkan "tasrih bi ihsan" dengan talak 3 berpandukan kepasda hadis Rasulullah (s.'a.w) yang diriwayatkan daripada Abu 'Umar bin 'Abd Al Bar yang bermaksud: "Seorang lelaki telah datang kepada Nabi (s.'a.w) dan berkata: "Adakah engkau melihat perkataan Allah yang berbunyi: "fa Imsak bi ma'ruf aw Tasrih bi Ihsan", maka mana lagi (talak) yang ketiga? Maka jawab Rasulullah (s.'a.w): Iaitu firmannya "Tasrih bi Ihsan (iaitu lepaskan dia (isteri) dengan cara yang baik). Lihat juga al-Qurthubi, *Tafsir al-Qurthubi* Jld. 2, h. 934 - 935.
9. *Ibid*.
10. *Ibid*.
11. Al-Fakh al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, Jld. 14, h. 220.
12. *Ibid*, Jld. 6, h. 106.
13. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia juga mengambil sikap yang serupa.
14. Ahmad al-Ghandur, *al-Talaq fi al-Syariah al-Islamiyyah w al-Qanun Bahithun Muqaran* h. 79, 'Abdul Wahab Khallaf, *Ahkam al-Ahwal al-Syakhsiyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*; 'Abdul Rahman al-Sabuni, *Syarh Qanun al-Ahwal al-Syakhsiyah baina al-Mazahib al-Abra'ah al-Sunniyah wal al-Mazhab al-Ja'fari* h. 117 - 119; Husain 'Amir, *al-Ta'assuf fi Isti'mal al-Haqqa wa Ilgha' al-'Uqud*, h. 495.
15. Fathi al-Durayni, *op.cit*, h; 175.
16. *Ibid*.
17. Husain 'Amir, *op.cit*. h. 495.
18. Abdul Rahman al-Sabuni, *op.cit*. Jld. 1 h. 119.
19. Wahbah al-Zuhayli, *op.cit*, Jld. 7, h. 532.
20. Husain 'Amir, *op.cit* h. 494 - 495, Abdul Raham al-Sabuni, *op.cit*. h. 104.
21. *Al-Baqarah* 241.